

Guan Eng minta bantuan Pusat

KUALA LUMPUR 7 Nov.

- Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng hari ini meminta bantuan daripada Kerajaan Pusat supaya mempertimbangkan penambahan peruntukan bagi mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang.

Guan Eng berkata, pihaknya bersetuju agar masalah banjir di Pulau Pinang tidak dipolitikkan kerana isu itu melibatkan masalah rakyat.

“Kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150 juta dan tentunya saya akan minta pegawai saya menghubungi kementerian untuk melaksanakan projek ini (tebatan banjir) secepat mungkin.

“Kita akan memberikan kerjasama penuh tetapi sekiranya jumlah ini tidak cukup kerana Sungai Pinang merupakan sungai utama di Pulau Pinang, saya berharap pihak kementerian dapat mempertimbangkan untuk menambahkannya seperti yang dianggarkan pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sendiri iaitu sebanyak RM350 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mencelah penggulungan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang dilakukan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Dewan Rakyat hari ini.

Sementara itu, Wan Junaidi berkata, jumlah peruntukan yang diberikan pihak kementerian untuk melaksanakan projek tebatan banjir adalah mengikut kemampuan kerajaan.